Ogos 27, 2021 10:55 MYT
KUANTAN: Seorang pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi membuat laporan polis mendakwa adiknya menjadi mangsa sindiket penipuan hingga mendorong keluarga membuat bayaran lebih RM11,000. Pengadu berusia 24 tahun menerima panggilan daripada adiknya yang berusia 22 tahun pada Khamis meminta wang untuk membayar kos penginapan tempat kerja selepas diminta berbuat demikian oleh pengurusnya di Kuala Lumpur. Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa membantu adiknya itu dengan membuat bayaran dengan jumlah keseluruhan RM6,847 melalui sebuah akaun bank atas nama seorang lelaki yang diberikan adiknya itu. Menurutnya, pada petang hari sama, adik pengadu menghubungi ibunya pula untuk meminta wang tambahan bagi tujuan sama. &#65533;Kira-kira jam 5 petang pada hari berkenaan, ibu pengadu ke bank dan memindahkan wang ke akaun sama berjumlah RM4,336. &#65533;Pada hari berikutnya, pengadu dihubungi adiknya memberitahu bahawa wang yang diminta bukan untuk penginapan sebaliknya dia menjadi mangsa panggilan sindiket penipuan,&#65533; katanya dalam kenyataan pada Jumaat. Mohd Wazir berkata, susulan kejadian, pengadu membuat laporan polis di Balai Bolis Mentakab pada Khamis. &#65533;Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan,&#65533; katanya.
*Berita asal di Sinar Harian &#65533; Sumber: https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rugi-lebih-rm11000-terpedaya-panggilan-scammer-316313